

22 FEB 2001

AGONG UTUS TAHNIAH KEPADA BRUNEI

KUALA LUMPUR, 22 Feb (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah mengutus ucapan tahniah kepada Sultan Hassanah Bolkihah sempena Hari Kebangsaan Brunei ke-17 esok.

Dalam perutusannya yang dikeluarkan Wisma Putra, Seri Paduka menyatakan rasa gembira dan bersyukur dengan hubungan erat dan persahabatan mesra di antara Malaysia dan negara Brunei Darussalam.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam ucapan tahniahnya mendoakan agar berkat kepimpinan Sultan Hassanah, Brunei akan terus mencapai kemakmuran dan kejayaan yang lebih tinggi di masa akan datang.

Beliau juga berharap hubungan antara kerajaan dan rakyat kedua-dua negara akan terus berkekalan.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar dalam perutusan kepada rakan sejawatannya Pengiran Muda Mohamed Bolkihah berkata beliau yakin kedua-dua negara akan terus berusaha untuk memperkukuhkan persahabatan dan kerjasama dua hala dalam pelbagai bidang.

-- BERNAMA

RV AHH RON